



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

PEMBENTANGAN BAJET MBSP TAHUN 2020

*"SEBERANG PERAI GREEN BUDGET"*

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**25 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**  
**10.45 PAGI**

**DEWAN KENANGA**

**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

**Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani**

**Binti Haji Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**YBhg. Datin Hajah Che Limah binti Haji Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP,

Setiausaha dan Bendahari PUSPANITA MBSP

**Encik Mohd. Tahir bin Othman**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai,

Setiausaha dan Bendahari ANULAE

**Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA,

Setiausaha dan Bendahari PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI,

Setiausaha dan Bendahari PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA,

Setiausaha dan Bendahari KOSPEMA

**Yang Dihormati Puan Ong Bee Leng**

*Chief Executive Officer, PWDC*

**Jurubahasa Isyarat**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

### **Pendahuluan**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik untuk berhimpun

bersama-sama pada pagi Jumaat yang penuh barokah ini untuk menzahirkan satu tugas penting yang diamanahkan oleh rakyat.

2. Sebelum pembentangan Bajet Tahun 2020 dimulakan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Majlis dan warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai di atas pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2019 yang lalu dan ia merupakan detik yang bersejarah selepas empat dekad menjadi Majlis Perbandaran.
3. Pelbagai program telah diadakan sepanjang pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai mulai 16 September hingga 15 Oktober 2019 seperti:-
  - (i) Majlis Penyerahan Watak dan Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai, disusuli dengan Majlis Pengisytiharan Pelantikan Datuk Bandar;
  - (ii) Majlis Menurunkan Bendera Perbandaran dan Menaikkan Bendera Bandaraya serta Memperkenalkan Lagu Rasmi Baharu bagi MBSP;

- (iii) Majlis Pelancaran Hala Tuju Strategik Ke Arah Bandaraya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari;
- (iv) Majlis Perasmian Medan Trak Makanan di Taman Upcycle MBSP;
- (v) Program *Housing Democracy* dan Pameran Kerjaya MBSP;
- (vi) Majlis Penamaan Menara Bandaraya atau *City Tower* dan lain-lain program yang diadakan dengan penuh warna-warni dan gilang-gemilang.

4. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia di mana kedua-dua PBT di negeri ini bertaraf bandaraya.
5. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan

Bandar dan Desa dan Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas kepercayaan, sokongan yang kuat dan mandat yang diberikan kepada saya untuk menerajui MBSP.

6. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang sangat komited dan sentiasa meletakkan rakyat sebagai fokus utama atau *center of focus*. Anda selayaknya mengukir sejarah menjadi Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai yang pertama.
7. Tidak ketinggalan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Unit, rakan-rakan media, persatuan ANULAE, PUSPANITA, PESUKA, PERMAI dan KOSPEMA yang menjadi rakan seperjuangan dan anda adalah tunjang kekuatan MBSP.
8. Saya juga turut menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja MBSP di pelbagai peringkat yang tidak jemu mencari dan menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan berbagai idea kreatif termasuk

*Wira Orange* yang berada di lapangan pagi, petang, siang dan malam, berhujan serta berpanas demi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Seberang Perai. Jasa anda harus dinobatkan sebagai wira-wira Seberang Perai.

9. Tidak dilupakan, saya ingin memohon maaf kepada rakyat Seberang Perai kerana terpaksa menaikkan cukai taksiran selepas 15 tahun berusaha mengekalkan kadar taksiran sedia ada. Semakan senarai nilai ini sudah tidak dapat dielakkan lagi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dipertingkatkan, merancang pertumbuhan ekonomi setempat dan menambahbaik kualiti kehidupan rakyat Seberang Perai.
10. Saya juga memahami kesusahan rakyat dengan bebanan kewangan yang tinggi untuk perbelanjaan persekolahan anak pada awal tahun dan persiapan perayaan Tahun Baru Cina, oleh itu, bil cukai taksiran untuk Penggal Pertama 2020 akan mengikut kadar sedia ada sehingga semua proses rayuan dan bantahan cukai didengari dan selesai sehingga bulan Mac 2020.

11. Keputusan bantahan akan diselaras dan bil cukai taksiran yang baharu bagi Penggal Kedua 2020 akan menunjukkan kadar cukai yang baharu yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

## **Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

12. Izinkan saya mencadang supaya suatu **Bajet Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun 2020** dibentang untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh. Bajet tahun 2020 bertemakan “**Seberang Perai *Green Budget***” adalah bajet bandaraya yang pertama dalam sejarah Seberang Perai dan bajet yang pertama yang memberi penekanan kepada kehijauan dan kemampanan bandaraya.

## **Tema Bajet Tahun 2020 adalah “Seberang Perai *Green Budget*”**

13. “Seberang Perai *Green Budget*” bukan hanya menumpukan kepada penanaman pokok sahaja tetapi ia adalah bagi mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, sumber tenaga bandaraya dijana oleh



tenaga boleh diperbaharui, penggunaan teknologi dan data yang meluas bagi mengimbangi keperluan pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama memelihara alam sekitar.

14. MBSP bertekad untuk menjadikan Bajet Tahun 2020 sebagai pemangkin untuk mengoptimumkan pembangunan dan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat Seberang Perai.
15. Dengan status bandaraya, pelbagai perubahan akan dilaksanakan di mana proses dan mekanisme kerja yang lapuk, tidak efisien dan terdapat permasalahan serta birokrasi akan ditambahbaik dan dihapuskan dengan menggunakan kreativiti dan inovasi selari dengan keadaan semasa.
16. **“Seberang Perai Green Budget” 2020** merealisasikan harapan rakyat untuk menjadikan Seberang Perai *Smart Sustainable City* selaras dengan wawasan **Penang2030** iaitu **“A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation”** dan seiring dengan draf dasar dan strategi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang berasaskan kepada **tiga (3) dimensi iaitu**

**pemeriksaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kejuruteraan semula sosial.**

17. Justeru itu, MBSP telah menetapkan lima (5) komitmen bandaraya yang baharu iaitu: -
- (i) Bandaraya Seberang Perai komited untuk seiring dengan Penang2030 iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”;
  - (ii) Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon;
  - (iii) Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya berdaya tahan;
  - (iv) Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat; dan
  - (v) Bandaraya Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah Bandaraya kompetitif dan pembangunan Bandar Pintar.
18. MBSP telah menetapkan sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama

bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat mengehadkan pemanasan global ke 1.5 degree celsius.

19. MBSP memahami sasaran yang ditetapkan adalah sasaran yang tinggi untuk dicapai. Walau bagaimanapun demi kesejahteraan rakyat, seluruh warga kerja MBSP berjanji untuk memastikan sasaran tersebut dicapai dan menjadikan ianya satu **kontrak sosial** yang akan dilaksanakan secara bersama dengan rakyat dan *stakeholders*.
  
20. MBSP juga sentiasa memastikan **Seberang Perai Bandar Untuk Semua** sebagai *guiding principle* dalam pentadbiran MBSP dengan memberi penekanan kepada: -
  - (i) *Improve governance and inclusiveness;*
  - (ii) *Accessibility and mobility;*
  - (iii) *No one should be excluded;*
  - (iv) *Gender responsive and participatory Budgeting; &*
  - (v) *Universal design.*
  
21. Seberang Perai akan menjadi model “*localising 17 SDGs*” yang merupakan Agenda Baru Perbandaran atau *New Urban Agenda 2030*, khususnya *Goals 11*

iaitu “Mewujudkan Bandar dan Penempatan Manusia yang Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Lestari”.

22. MBSP telah menghasilkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang Mampan dan Lestari bagi Jangka Pendek, Sederhana dan Jangka Panjang yang merupakan titik tolak ke arah kecemerlangan sosial, baik dari segi kebersihan, pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kelestarian alam sekitar.
  
23. Dengan wujudnya pelan hala tuju yang komprehensif ini, pentadbiran MBSP akan berubah ke arah **Amalan Terbaik Global (*Global Best Practices*)** yang memfokuskan kepada urus tadbir yang cekap, berakauntabiliti dan mementingkan ketelusan serta responsif. Fokus ini mestilah mengutamakan keperluan rakyat melalui penyampaian perkhidmatan terbaik, lebih efisien dan efektif.

## Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

### Pengiktirafan dan Pencapaian

24. MBSP telah mendapat pelbagai pengiktirafan di dalam dan luar negara hasil daripada keberkesanan penyampaian perkhidmatan MBSP kepada *stakeholder*.
25. Antaranya ialah MBSP telah menduduki tangga teratas dengan pencapaian tahap **Cemerlang (5 Bintang)** dan dianugerahkan **Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2017** pada 31 Oktober 2018 oleh Jabatan Audit Negara (JAN).
26. MBSP juga telah menerima **insentif sebanyak RM35,000** oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas pencapaian yang diperolehi bagi tahun 2018 dan ia telah disampaikan oleh YAB Ketua Menteri di Majlis Perhimpunan Anggota Penjawat Awam Bersama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 7 Januari 2019.

27. MBSP telah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang **pertama di Pulau Pinang dan yang ketiga di Malaysia** telah berjaya melancarkan ***Manual Dealing With Construction Permit (DCP)***. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh pada 11 Januari 2019.
28. Di samping itu, MBSP telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf **5 Bintang** berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 3 Mei 2019.
29. MBSP juga telah berjaya mendapat **Anugerah Emas** dalam Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Sarawak dan Sabah Tahun 2019 yang diadakan di Miri, Sarawak pada 25 Julai 2019. MBSP juga diberi **pengiktirafan Industri 4.0** dalam konvensyen tersebut.
30. Selain itu, MBSP telah berjaya memperolehi **empat (4) bintang** bagi Anugerah Sekolah Hijau di bawah SDG 13 iaitu *Climate Change Action* pada **Majlis Penyampaian JCI Malaysia Sustainable Development Award 2019** yang telah

disempurnakan oleh YB Phee Boon Poh pada 22 September 2019.

31. MBSP juga telah diberi **pengiktirafan** di atas program-program **Zero Waste** yang telah dilaksanakan bagi menyokong ke arah *Zero Waste World* di *International Zero Waste Cities Conference 2019* pada 14 Oktober 2019.
32. Semua kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada gandingan mantap dan kerjasama yang padu antara MBSP dan rakyat serta komitmen yang tinggi daripada semua Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MBSP.

### **Prestasi Kewangan**

33. Laporan Ketua Audit Negara bertarikh 9 Ogos 2019 menyatakan bahawa Penyata Kewangan MPSP (pada ketika itu) bagi tahun 2018 telah memberikan gambaran yang **benar dan saksama** mengenai kedudukan kewangan MBSP dan prestasi kewangan serta aliran tunai selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976.

34. Penyata kewangan MBSP bagi tahun 2018 sekali lagi telah dianugerahkan **Sijil Bersih** oleh Ketua Audit Negara. Ini merupakan tahun ke-lapan belas (18) berturut-turut MBSP berjaya mengekalkan sijil bersih bagi penyata kewangan MBSP.
35. MBSP telah berjaya melaksanakan **Business Turnaround** iaitu dari kedudukan defisit sebenar berjumlah RM24.19 juta pada tahun 2016, RM17.03 juta pada tahun 2017 kepada lebihan sebenar berjumlah RM5.82 juta pada tahun 2018.
36. Berdasarkan laporan ini menunjukkan bahawa MBSP sentiasa mengurus kewangan secara berhemah, berkesan dan teratur mengikut piawaian yang telah ditetapkan bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh.

### **Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (Gender Responsive and Participatory Budgeting – GRPB)**

37. Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012.



38. Pelaksanaan *GRPB Penang Model* adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah **berorientasikan rakyat** dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.
39. Ia merangkumi dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan menjalankan *beneficial impact analysis (BIA)* selepas pelaksanaan projek atau program bagi memastikan projek atau program yang disediakan memenuhi keperluan dan kehendak rakyat Seberang Perai.
40. MBSP adalah PBT yang pertama yang mengadakan program mengarus perdanakan GRPB melalui “*GRPB Champion Award 2019*” yang akan disampaikan pada bulan Disember 2019 atau Januari 2020.

## Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

### Keutamaan Teras Bajet Tahun 2020

41. **Seberang Perai *Green Budget*** akan memberi fokus ke atas lapan (8) keutamaan teras berdasarkan pandangan penduduk semasa sesi dialog bajet dan diberi penjenamaan bersesuaian dengan Penang2030 dan *localising of Sustainable Development Goals (SDG)*. Keutamaan teras **Seberang Perai *Green Budget*** tahun 2020 adalah seperti berikut: -

### **Kebersihan dan Kehijauan**

42. MBSP komited untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang terbersih di Malaysia dan di rantau ASEAN. MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM113.58 juta** daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2020 bagi memastikan peningkatan tahap kebersihan dan kehijauan di Seberang Perai.

43. Pembersihan adalah isu yang tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas. MBSP membaharui komitmen untuk mencapai **Kadar Kitar Semula** sebanyak **70%** dan **Beratan Sampah** ke tapak pelupusan sampah **dikurangkan sehingga 50%** per kapita pada tahun 2022.
44. MBSP telah mengatur langkah untuk menjenamakan semula kerja-kerja pembersihan iaitu: -
- (i) Memperluaskan skop pembersihan ke kampung-kampung yang mempunyai rezab laluan serta permukaan bertar tidak kurang dari 8 kaki. Kerja-kerja akan dilaksanakan sekali sebulan;
  - (ii) Memperluaskan skop pembersihan ke pantai-pantai yang menjadi lokasi popular untuk beriadah. Pantai yang akan diambil perhatian ialah Kuala Muda, Taman Robina, Pantai Bersih dan Batu Musang;
  - (iii) Pemetongan rumput di jalan-jalan persekutuan sebelum ini dilaksanakan oleh kontraktor lantikan JKR. MBSP akan menjalankan kerja-kerja pemetongan secara berkala diselang seli

- dengan jadual JKR dan ia akan melibatkan lima (5) lokasi sebagai permulaan;
- (iv) Pelan Tindakan Pembersihan dan Pelan Tindakan Pemantauan Pembersihan oleh kontraktor supaya Seberang Perai Bersih;
  - (v) Menstruktur semula zon pembersihan;
  - (vi) Melantik kontraktor baru yang berwibawa untuk semua zon pembersihan;
  - (vii) Memantapkan pengurusan jabatan dengan menjalankan *Business Process Reengineering (BPR)* bagi penyelenggaraan kenderaan di PUSKEB serta menyediakan bajet pembelian kenderaan baru;
  - (viii) Menwujudkan sistem penyeliaan nisbah 1:10 iaitu satu penyelia bagi setiap 10 pekerja;
  - (ix) Memperkemaskan sistem demerit dengan menamatkan kontrak pembersihan selepas 25% pemotongan berturut-turut dan memasukkan klausa penamatan ini di dalam perjanjian;
  - (x) Menyediakan *standby team* pembersihan untuk mengambil alih kerja-kerja pembersihan daripada kontraktor yang ditamatkan;
  - (xi) Mewujudkan senarai semak yang jelas bagi setiap pekerja;

- (xii) Memberi latihan kepada penyelia dan pekerja mengenai kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara *hands on* berpandukan senarai semak tugas; dan
- (xiii) Mewujudkan sistem pemantauan pembuangan sampah haram yang berkesan.

- 45. Menyediakan peruntukan **Bayaran Tipping Fees untuk Pelupusan Sampah di Pulau Burung** sebanyak **RM13.0 juta** dan **Bayaran Pemindahan dan Pengangkutan Sampah di Ampang Jajar** sebanyak **RM4.45 juta**.
- 46. Selain itu, **Bekalan dan Sewaan Tong Sampah** sebanyak **RM0.53 juta**, **Pembelian Peralatan Pembersihan** sebanyak **RM1.3 juta** dan bayaran **Kontrak Pembersihan Bersepadu (Pulau Aman)** sebanyak **RM0.15 juta** disediakan pada tahun 2020.
- 47. MBSP juga akan membuat **Bayaran Balik dan Faedah atas Wang Pinjaman untuk Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam** sebanyak **RM5.63 juta**. Sebanyak **RM0.37 juta** pula diperuntukkan untuk **Penyelenggaraan Tempat**

**Pembuangan Sampah dan Tong Sampah serta Penyelenggaraan Tapak Pelupusan Ampang jajar.**

48. MBSP akan membuat pembelian **Mesin Rumput** sebanyak **RM50,000** serta **Penambahbaikan (*Refurbish*) Kenderaan** sebanyak **RM0.1 juta**. MBSP juga akan membelanjakan wang dari **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (*MARRIS-Malaysian Road Record Information Sytem*)** pada tahun 2020 untuk perkhidmatan pembersihan am jalan di seluruh Seberang Perai sebanyak **RM36.53 juta**.
49. MBSP menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.25 juta** untuk tahun 2020 bagi kerja pemasangan **Papan Kenyataan** dan menjalankan program **Pendidikan Kesihatan, Kebersihan dan Pengindahan** bersama rakyat Seberang Perai. MBSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.2 juta** untuk **Program Local Agenda 21**.
50. Antaranya adalah program bersama komuniti seperti aktiviti gotong royong, program *Care For The Elderly*, *Smart Consumption Model 8R* iaitu *recycle, refuse, re-use, reduce, re-think, repair, re-gift dan recover* serta menjalankan pakatan strategik atau *Strategic*

*Allience* dengan pusat pengajian tinggi, *NGO's* dan syarikat swasta bagi melahirkan komuniti pintar.

51. Penduduk Seberang Perai hendaklah bersama-sama MBSP mengurangkan sampah dengan menjalankan kitar semula dan pengasingan sisa di punca. MBSP telah berjaya melaksanakan kitar semula dan mencatat pencapaian **47.15% tertinggi** di Malaysia.
52. Selain kebersihan kawasan Seberang Perai, Pembersihan Premis Makanan menjadi salah satu aspek utama yang akan diberi perhatian oleh MBSP bersesuaian dengan Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik (A2) "*Continue To Improve Public Safety and Cleanliness*". Saranan YB Tuan Jagdeep Singh Deo yang mengkehendaki MBSP memastikan 70% premis makanan akan berada pada Gred A dan 30% pada Gred B pada tahun 2020.
53. Di samping itu, 50% pasar awam akan berada pada Gred A dan 50% pada Gred B juga pada tahun 2020. Justeru itu, tindakan segera yang akan diambil adalah mengadakan Retreat Pengendali Makanan supaya 1,319 pengusaha/peniaga premis makanan daripada 2,141 pengusaha/peniaga premis makanan yang

berada di Gred C, diberi pendedahan sejelas-jelasnya untuk mencapai sasaran Gred B atau A.

54. Bagi menggalakkan pembangunan penjaja, pengusaha dan peniaga kecil di Seberang Perai pula, sejumlah **RM1.5 juta** diperuntukkan untuk **Penyelenggaraan Pasar-Pasar Awam Dan Kompleks Makanan**. Di samping itu, MBSP juga akan membuat **Bayaran Bil Utiliti** sebanyak **RM3.3 juta** untuk **Bil Elektrik** dan **RM1.3 juta** untuk **Bil Air** serta **RM0.2 juta** untuk **bil IWK**.
55. Sebanyak **RM0.25 juta** diperuntukkan untuk **Bekalan Peralatan Pembersihan** serta sejumlah **RM0.15 juta** disediakan untuk **Pembelian Mesin Kompos** bagi menukar sisa organik kepada baja organik di pasar-pasar awam dan kompleks-kompleks makanan.
56. Selain menggunakan peruntukan MBSP, MBSP juga akan menggunakan **Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam** sebanyak **RM10.02 juta** pada tahun 2020. Projek-projek yang akan dilaksanakan adalah **Menaik Taraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggara, Seberang Jaya, SPT** sebanyak **RM1.0 juta** dan **Meroboh Dan**



**Membina Semula Kompleks Makanan Taman Sentosa, SPS** sebanyak **RM2.1 juta**.

57. Selain itu, MBSP juga akan **Menaik Taraf Kompleks Makanan Dan Pasar Awam Bagi Mencapai Gred A** dengan kos berjumlah **RM0.96 juta** untuk tahun 2020 serta mengadakan **Program Penempatan Penjaja Di 21 Kadun** sebanyak **RM5.25 juta**. Sebanyak **RM0.71 juta** akan dibelanjakan untuk tahun 2020 bagi **Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Membina Dan Menyelenggara Perangkap Minyak (*Grease Trap*)**.

**Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

### **Ruangan Hijau dan Penyelenggaraan Tempat Awam**

58. MBSP akan memberi fokus kepada pembangunan ekonomi setempat (*local economic development – LED*) melalui membangun serta menaik taraf ruang pelbagai guna yang boleh digunakan untuk tujuan perniagaan, rekreasi dan sukan, kegunaan acara dan sosial seperti perkahwinan. MBSP akan meneruskan program santai pengusaha yang akan mempertemukan antara institusi kewangan dan

perbankan dengan peniaga-peniaga bagi membantu pembiayaan perniagaan golongan B40.

59. Oleh itu, MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM10.8 juta** daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2020 bagi menambah ruangan hijau di Seberang Perai. MBSP akan menambah tapak semaian pokok, membina koridor-koridor hijau, menjenamakan semula tempat-tempat awam sedia ada dan menambah *pocket park* di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana rendah.
60. MBSP juga sentiasa komited untuk membangunkan *urban green lungs* untuk meningkatkan *liveability*. MBSP telah memperuntukkan sebanyak **RM1.1 juta** bagi menjalankan kerja-kerja **Penyelenggaraan dan Pengindahan Landskap**.
61. Sebanyak **RM0.2 juta** pula diperuntukkan untuk **Bekalan Peralatan Pengindahan**. Sebanyak **RM0.15 juta** untuk pembelian **Mesin Rumput dan Peralatan pengindahan landskap**. MBSP juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.2 juta** bagi penganjuran **program SPICEC** tahun 2020.

62. MBSP juga telah memperuntukkan sebanyak **RM0.5 juta** bagi **Memaju, Membersih dan Memperelok Am**. Antara projek yang akan dijalankan pada tahun 2020 adalah menyediakan *community parks* melalui konsep satu bayi satu pokok, mengubahsuai tanah lapang untuk acara perkahwinan dan Floria 2020.
63. Selain itu, MBSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.4 juta** untuk **Bekalan dan Bahan serta Penyelenggaraan Tapak Semaian MBSP** dan **RM0.1 juta** untuk pembelian **Anak Pokok** untuk disemai di tapak semaian MBSP. Pada tahun 2020, MBSP akan **Menaik Taraf Pejabat Operasi Taman Berjaya dan Tapak Semaian, SPS** sebanyak **RM0.3 juta**.
64. Bagi mengurangkan vandalisme dan penyalahgunaan taman rekreasi awam dan taman permainan, MBSP memperuntukkan sebanyak **RM0.1 juta** untuk pemasangan **Papan Kenyataan**. MBSP juga akan memasang 25 set *outdoor gym* dan 8 set alat permainan di **Tempat-Tempat Rekreasi Awam dan Sukan** dengan kos sebanyak **RM0.6 juta** pada tahun 2020.

65. MBSP akan **Memasang Lampu Hiasan** di Bandar Perda dan lain-lain lokasi sebanyak **RM0.4 juta** bagi meningkatkan keselamatan di kawasan tumpuan orang ramai. Sebanyak **RM0.6 juta** pula diperuntukkan untuk bayaran **Penyelenggaraan Dewan Millenium**. MBSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.2 juta** untuk **Penyelenggaraan Kualiti Air Kolam Renang**.
66. MBSP juga akan menggunakan **Wang Sumbangan Menggantikan Kemudahan Awam (Kawasan Lapang)** sebanyak **RM1.45 juta** pada tahun 2020 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai.
67. Penjenamaan semula kawasan lapang dengan menggunakan wang sumbangan, menaik taraf tandas awam di Taman Rekreasi Ampang Jajar, Krian, SPS, membina gelanggang serbaguna di Lorong Sungai Daun 2, Taman Nibong Tebal, SPS, menaik taraf Taman Robina, SPU, pengindahan Taman Rekreasi Taman Bukit Indah, SPT dan lain-lain.
68. Pemeraksanaan kolaborasi melalui platform '*Quadruple Helix*', perlu diutamakan melalui hubungan dan sinergi

antara pihak MBSP, institusi pendidikan tinggi, pemain industri dan masyarakat dalam melaksanakan program dan aktiviti yang akan menyumbang ke arah Seberang Perai yang lebih indah dan hijau. Oleh itu, bagi yang berminat untuk menjalankan *Smart Partnership 7Ps* amatlah dialu-alukan.

## **Pengangkutan dan Koridor Hijau**

69. MBSP terus komited untuk meningkatkan dan menambahbaik kualiti kemudahan dan infrastruktur bagi memastikan sistem pengangkutan dan koridor hijau dapat direalisasikan. Sebanyak **RM9.24 juta** telah diperuntukkan pada tahun 2020.
70. MBSP akan mempromosikan ***cycle to work*** daripada kawasan kediaman ke *Central Business District (CBD)* dan perhentian perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit (BEST)* yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Rapid Penang.
71. Oleh itu, MBSP akan menyediakan **Laluan Berbasikal *Cycle To Work*** di Bandar Perda dan di

Pusat Pentadbiran Kerajaan, Jawi, SPS pada tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak **RM0.2 juta**.

72. MBSP telah menyediakan Garis Panduan untuk setiap permohonan PKM yang dikemukakan pada atau selepas 1 Jun 2019 dikehendaki menyediakan Laluan Berbasikal. Pekerja MBSP juga diberi pinjaman pembelian basikal sebanyak RM5,000 untuk menggalakkan *Cycle To Work*.
73. Pada 13 Mei 2019 yang lalu, *Smart Bus Stop* telah dilancarkan di Seberang Jaya dan pada masa akan datang, *Smart Bus Stop* akan ditambah bagi memberi keselesaan kepada pengguna di mana infrastruktur 5G disediakan bagi meningkatkan *connectivity* serta dilengkapi CCTV yang sentiasa dipantau oleh pihak PDRM.
74. Selain itu, sebanyak **RM0.1 juta** diperuntukkan bagi **Penyelenggaraan Lampu Isyarat, Pondok Bas, Tempat Letak Kereta dan Papan Tanda Lalu Lintas**. Untuk pemasangan pelbagai **Papan Tanda** seperti nama jalan sebanyak **RM0.15 juta** diperuntukkan untuk tahun 2020.

75. Sehingga bulan September 2019, MBSP telah membelanjakan wang daripada **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS-Malaysian Road Record Information System)** sebanyak **RM21.06 juta** untuk kerja-kerja selenggara dan pembaikan jalan perbandaran di seluruh Seberang Perai. Pada tahun 2020, perbelanjaan sebanyak **RM35.0 juta** dijangka bagi penyelenggaraan dan pembaikan jalan dengan menggunakan peruntukan MARRIS.
76. Program Terapi Rimba (*Eco-Therapy*) secara “*Forest Bathing*” yang telah diadakan sejak tahun 2018 serta program-program kesedaran menjaga alam sekitar telah mendapat sambutan yang baik daripada penduduk Seberang Perai di mana terdapat kawasan-kawasan hijau yang tidak pernah diterokai dapat dinikmati. Oleh itu, ia perlu dipelihara dan dijaga dengan baik untuk generasi akan datang.

### **Penggunaan Tenaga yang Mampan**

77. MBSP memperuntukkan sejumlah **RM28.89 juta** untuk tahun 2020 bagi meningkatkan penggunaan tenaga yang mampan. Antaranya adalah **RM2.5 juta** bagi **Penyelenggaraan Lampu-Lampu Jalan**

manakala **RM13.5 juta** pula diperuntukkan pada tahun 2020 bagi **Pembayaran Bil-Bil Lampu Awam**.

78. Pada tahun 2020, MBSP memperuntukkan sejumlah **RM1.5 juta** untuk **Projek Rendah Karbon** bagi penukaran semua lampu jalan sedia ada kepada lampu LED dan MBSP menganggarkan RM37 juta perlu dibelanjakan untuk tempoh 15 tahun bagi tujuan tersebut. Bagi meningkatkan tahap pembangunan di Seberang Perai agar menjadi lebih mampan di masa hadapan, sebanyak **RM0.3 juta** diperuntukkan bagi **Kajian Perancangan Pemajuan**.
79. *Incentive Fast Track* pelan kebenaran merancang dan pelan bangunan akan diberikan kepada pemajuan yang direkabentuk menggunakan 15% tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*).
80. Manakala kompleks komersial yang mempunyai ruang lantai melebihi 5,000 meter persegi serta pembangunan komersial yang dibenarkan nisbah plot melebihi 1:3 dikehendaki memperolehi 15% dari tenaga yang digunakan dari **sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE)**. MBSP juga akan mensyaratkan dalam PKM, *GBI Certified (Green*



*Building Index*) bagi bangunan kediaman dan perdagangan yang dibina dalam eco-city Batu Kawan.

81. Dasar Pengiklanan LED akan diwujudkan sebagai bentuk pengiklanan baharu untuk menggantikan bentuk pengiklanan daripada kertas dan bahan plastik yang tidak mesra alam.

## **Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

### **Memastikan Kemampuan Pemilikan Rumah Kediaman bagi Meningkatkan Kualiti Hidup**

82. Majlis Bandaraya yang baharu diisytihar ini juga perlu dilihat mampu menyelesaikan isu *Housing Affordability And Diversity* untuk meningkatkan kualiti hidup seperti yang ditekankan dalam Inisiatif Strategik (A1) Penang2030. MBSP akan memperuntukkan sebanyak **RM4.06 juta** daripada keseluruhan perbelanjaan tahun 2020.

83. Antaranya MBSP telah: -

- (i) Memperkenalkan “Skim Pemberian Nombor Rumah Kediaman Kampung” bagi memudahkan

pemunya rumah kampung memiliki nombor rumah masing-masing dan alamat kediaman yang lengkap;

- (ii) Garis Panduan Rumah Sederhana Rendah bertujuan memperbanyakkan bekalan rumah mampu milik di pasaran;
- (iii) Garis panduan Pindaan dan Tambahan Ruang Kediaman bagi memberikan ruang keselesaan kepada pemilik rumah;
- (iv) Buku Panduan Pindaan dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman untuk kelulusan serta merta; &
- (v) Pelan Setara Rumah Sesebuah bagi membolehkan kelulusan segera untuk kemudahan pemilik rumah.

## **Ketahanan Perubahan Iklim**

- 84. Isu seperti perubahan suhu bandar, banjir kilat, pengurusan sisa pepejal dan kawasan hijau yang mencukupi untuk rakyat Seberang Perai perlu diberi perhatian untuk jangka masa panjang.
- 85. Oleh itu, hala tuju MBSP adalah jelas iaitu menasarkankan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan

penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**.

86. Pada tahun 2020, sebanyak **RM13.64 juta** telah diperuntukkan dari keseluruhan perbelanjaan. Sejumlah **RM6.5 juta** telah diperuntukkan bagi merangkumi kerja-kerja **Penyelenggaraan Parit Monsun dan Kolam Takungan, Penyelenggaraan Rumah Pam dan Kawalan Banjir** pula adalah sebanyak **RM0.5 juta**.

87. Manakala untuk **Pembinaan Parit Bagi Mengatasi Banjir** pula diperuntukkan sebanyak **RM0.5 juta**. Kerja-kerja yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 adalah: -

- (i) Membina "*slip drain*" di Persiaran Bertam 2, SPU;
- (ii) Memasang *crossing culvert* baru di Tingkat Binjai 10, Taman Sri Rambai, SPT;
- (iii) Menaik taraf sump di Lorong Alma Ria 2, Taman Alma Ria, SPT;
- (iv) Menaik taraf parit di Jalan Sentul 3, Taman Sentul, SPT; dan

(v) Menaik taraf parit, *box culvert*, bahu jalan dan menurap jalan di Lorong Belibis 1 dan 33, Taman Belibis, SPS.

88. Di samping itu, MBSP juga akan menggantikan **Mesin Angkat Sampah** di rumah pam sebanyak **RM1.4 juta** di Taman Chai Leng, SR3 dan Desa Damai pakej B. MBSP juga akan **Menaik Taraf Rumah Pam** sebanyak **RM0.35 juta** di Rumah Pam Taman Merak, SPS dan Rumah Pam Kawalan Banjir SR3, SPT.
89. MBSP telah menubuhkan Pusat Kawalan Pengurusan Krisis di setiap daerah untuk meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana dan mempercepatkan *respond* serta mengurangkan masa perjalanan ke lokasi bencana.
90. MBSP juga telah memasang Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir (SPARK) bagi mengawal kejadian banjir di mana sistem ini akan menghantar notifikasi via SMS, email atau apps apabila ketinggian paras air mencapai tahap-tahap tertentu melalui *ultrasonic sensor* dan 12 lokasi rumah pam telah dilengkapi dengan sistem ini.

91. Maka, untuk Bajet Tahun 2020, kerja-kerja **Menaik Taraf Depoh Jabatan Pengurusan Krisis** di Jalan Bagan Lalang, SPU dan Taman Jawi Jaya, SPS akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM0.6 juta**.
92. Selain menggunakan peruntukan MBSP, projek serta rancangan bagi kawalan banjir juga akan menggunakan peruntukan **Wang Caruman Pamaritan** sebanyak **RM6.38 juta** akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai.
93. Antaranya, MBSP akan menjalankan kerja bagi mengurangkan masalah banjir di Taman Widuri, SPS, projek parit monsun dari Sungai Puyu ke Jalan Siram, SPU dan kajian projek di beberapa kawasan yang mengalami banjir.

## Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

### Kesejahteraan Kakitangan

94. Amalan kerja yang berprestasi tinggi telah menghasilkan impak yang cukup baik di mana masalah rakyat diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan kalian tidak terbalas dan tetap terpahat di hati.
95. Sejumlah **RM182.34 juta** telah diperuntukkan bagi membiayai kos **emolumen** termasuk gaji, bayaran-bayaran elaun perkhidmatan serta imbuhan tahunan untuk **3,987** perjawatan. Dalam kesiapsiagaan modal insan ke tahap berdaya maju, MBSP telah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan.
96. Bagi tujuan ini, sejumlah **RM1.35 juta** telah diperuntukkan bagi perbelanjaan untuk **Menghadiri Kursus, Seminar dan Peperiksaan** serta **Lawatan Sambil Belajar** di dalam dan luar negara untuk

menjadikan modal insan MBSP lebih berketrampilan dan berpengetahuan luas.

97. MBSP juga turut mempromosi *Housing Democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja dengan mengadakan program *match making* di antara institusi perbankan, pemaju perumahan dan pekerja.
98. MBSP amat menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MBSP telah menyediakan peruntukan bagi **Perkhidmatan Perubatan** berjumlah **RM1.8 juta**.
99. Kemudahan ini merangkumi perbelanjaan rawatan jantung di Institut Jantung Negara (IJN), rawatan hemodialisis sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kakitangan kontrak dan sepanjang hayat bagi kakitangan tetap dan berpencen, pembelian alat orthopedik, **alat bantuan pendengaran bagi pekerja OKU**, ubat-ubatan, alat bantuan penglihatan dan rawatan pakar.

100. Kemudahan perbelanjaan rawatan hemodialisis juga diberikan kepada **ibu bapa**, kakitangan yang masih berkhidmat. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, **kemudahan Klinik Panel** disediakan kepada kakitangan bujang dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM3.56 juta**.
101. Mulai tahun 2020, kemudahan rawatan klinik panel dinaikkan sebanyak RM400 bagi Ahli Majlis dan kakitangan berkeluarga menjadikan had kelayakan tahunan meningkat daripada **RM600 kepada RM1,000 setahun** manakala bagi Ahli Majlis dan kakitangan yang belum berkeluarga dinaikkan sebanyak RM150 menjadikan had kelayakan meningkat daripada **RM250 kepada RM400 setahun**.
102. Bagi kakitangan yang suami dan isteri berkhidmat di MBSP, had kelayakan tahunan dinaikkan **daripada RM600 kepada RM1,400 setahun**. Kemudahan rawatan adalah termasuk rawatan pergigian, pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak.



Kemudahan ini dipanjangkan juga kepada kedua ibu bapa kakitangan.

103. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru semua kakitangan agar mengamalkan gaya hidup sihat agar perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai dapat diberi dengan lebih cemerlang.
104. Pada tahun 2020, MBSP mengekalkan peruntukan sebanyak **RM300,000** bagi **Bayaran Pampasan (*Ex-Gratia*)** kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Faedah di bawah skim ini diberikan hanya bagi bencana kerja yang mengakibatkan kematian atau Hilang Upaya Kekal (HUK).

## **Pembaharuan Institusi**

105. Bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah Penang2030 bagi Inisiatif Strategik (C4) iaitu "*Accelerate Programme Delivery and Institutional Reform*", MBSP memperuntukkan sebanyak **RM6.28 juta** pada tahun 2020.
106. MBSP telah membuat beberapa perubahan antaranya dengan menubuhkan Jabatan

Pelancongan, Seni dan Warisan untuk memberi penumpuan kepada usaha-usaha mewujudkan Garis Panduan Pembangunan, Penyelenggaraan Bangunan Warisan dan menggalakkan eko pelancongan di Seberang Perai.

107. MBSP memperuntukkan sebanyak **RM1.0 juta** untuk **Pembangunan Kawasan Pelancongan dan Warisan** iaitu Projek Robina Ecopark dan Jambatan Keretapi Pinang Tunggal. Sebanyak **RM0.2 juta** pula disediakan untuk **Penyelenggaraan dan Peningkatan Kemudahan Infrastruktur dan Kawasan Pelancongan dan Warisan Sedia Ada**.
108. Peruntukan sebanyak **RM0.62 juta** disediakan pada tahun 2020 untuk pembelian **Alat Muzik, Kostium dan Aksesori, Bayaran Perkhidmatan Seniman dan Pemuzik, Program di bawah Unit Butterworth Baharu** seperti Temasya Bagan, **Program Pelancongan, Kesenian dan Warisan** seperti Hari Warisan serta **Perayaan Istiadat Rasmi**.
109. MBSP juga telah mewujudkan Zon Budaya di sekitar Butterworth Artwalk bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan

menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain.

110. Selain itu, MBSP juga telah menubuhkan Unit Perubahan Iklim dan Neutral Karbon yang pertama di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia dan akan ditempatkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.
111. MBSP juga dari semasa ke semasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan *Penang Women Development Corporation (PWDC)* dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai bagi mendokong Dasar Keterangkuman Gender Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
112. MBSP terus komited bagi menyalurkan dana sebanyak **RM0.2 juta** setahun kepada PWDC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang.
113. Bagi menyokong Dasar Keterangkuman Gender, MBSP telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia bagi memastikan keseimbangan gender di MBSP mengikut nisbah 40%

lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita dan ia ditempatkan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan.

114. MBSP juga telah menubuhkan Unit Media dan Protokol di bawah Jabatan Kemasyarakatan bagi menyelaraskan semua program MBSP serta mengurus bahan-bahan media dan menyediakan laporan bagi rujukan di masa akan datang.
115. Inisiatif untuk menjadikan Seberang Perai Bandar Pintar adalah selaras dengan transformasi digital dan revolusi industri 4.0 di peringkat global tanpa mengenenpikan aspek kelestarian dan kemampuan.
116. Warga Bandaraya dahagakan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, mudah dan pantas. Oleh itu, MBSP telah membangunkan *Cyber Counter* supaya rakyat boleh melaksanakan transaksi yang pantas melalui **Cyber Counter MyMBSP apps** untuk permohonan lesen, pembayaran cukai taksiran dan kompaun kesalahan, pemeriksaan status kompaun kesalahan, tempahan kemudahan sukan dan komuniti, mendapatkan maklumat terkini dan menyemak program-program yang dilaksanakan serta

tempat-tempat menarik dan lokasi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula. MyMBSP mesra dengan telefon pintar, *Operating System* adalah Android atau iOS dan boleh dimuat turun melalui *PlayStore*.

117. Baru-baru ini, MBSP telah menganjurkan program “Digital@SeberangPerai” buat pertama kali bagi memberi peluang dan pendedahan kepada rakyat Seberang Perai tentang Teknologi Digital yang terdapat di MBSP dan Pulau Pinang di mana penglibatan lima (5) agensi kerajaan dan dua (2) agensi swasta dalam program ini mempamerkan dan menawarkan perkhidmatan digital, online dan teknologi robotik.
118. MBSP juga akan meneruskan usaha mengadakan Hari Mesra Pelanggan setiap tiga (3) bulan dengan memberi penekanan “Anda Ada Masalah Kami Permudah”; “Anda Buntu Kami Bantu”. Pasukan khas daripada pelbagai jabatan telah ditubuhkan untuk memberi fokus bagi memudahkan dan menyelesaikan isu-isu pelesenan, binaan tanpa kebenaran, tempat letak kereta, isu-isu perbandaran dan lain-lain.

# Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

## Kesimpulan Bajet Tahun 2020

119. **Seberang Perai *Green Budget*** memberi fokus kepada **lapan (8) keutamaan teras bajet** yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 melalui: -

- (i) Pertama – Kebersihan dan Kehijauan iaitu RM113.58 juta;
- (ii) Kedua – Ruangan Hijau dan Penyelenggaraan Tempat Awam iaitu RM10.8 juta;
- (iii) Ketiga – Pengangkutan dan Koridor Hijau iaitu RM9.24 juta;
- (iv) Keempat – Penggunaan Tenaga yang Mampan iaitu RM28.89 juta;
- (v) Kelima – Memastikan Kemampuan Pemilikan Rumah Kediaman bagi Meningkatkan Kualiti Hidup iaitu RM4.06 juta;
- (vi) Keenam – Ketahanan Perubahan Iklim iaitu RM13.64 juta;
- (vii) Ketujuh – Kesejahteraan Kakitangan iaitu RM6.71 juta; dan

(viii) Kelapan – Pembaharuan Institusi iaitu RM6.28 juta.

## **Komponen Pendapatan**

120. Dianggarkan dalam Bajet Tahun 2020, MBSP akan memperolehi pendapatan berjumlah **RM314.73 juta** berbanding **RM271.23 juta** dalam tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak **RM43.5 juta** atau **16.04%**.
121. Seperti tahun-tahun sebelumnya, **Cukai Taksiran** merupakan penyumbang utama untuk pendapatan keseluruhan MBSP iaitu sebanyak **RM226.5 juta** atau **72%**. Sehingga kini, jumlah keseluruhan premis berkadar di Seberang Perai adalah 329,007 unit yang terdiri daripada kawasan perindustrian, premis perniagaan dan perdagangan, rumah kediaman, rumah kampung dan tanah.
122. Bagi **Hasil Bukan Cukai** sebanyak **RM77.23 juta** atau **25%** dan **Terimaan Bukan Hasil** iaitu **Geran Tahunan** daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta **Bantuan Bayaran Bil Lampu Jalan Dan Lampu**

**Isyarat** sebanyak **RM11 juta** atau **3%** dari jumlah keseluruhan pendapatan MBSP.

123. Antara komponen bagi Hasil Bukan Cukai adalah terdiri daripada **Lesen Dan Permit** berjumlah **RM20.84 juta**, **Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan** berjumlah **RM27.65 juta**, **Perolehan Dari Jualan barang-Barang** berjumlah **RM0.39 juta**, **Sewaan** berjumlah **RM12.0 juta**, **Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan** berjumlah **RM5.23 juta**, **Denda Dan Hukuman** berjumlah **RM11.09 juta** dan **Pelbagai Terimaan** berjumlah **RM37,000**.

### **Komponen Perbelanjaan**

124. Untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai, MBSP mencadangkan **Perbelanjaan** sejumlah **RM349.16 juta** di mana **RM311.64 juta** disediakan bagi **Perbelanjaan Mengurus**, **RM18.68 juta** untuk **Perbelanjaan Pembangunan** dan **RM18.84 juta** untuk **Perbelanjaan Harta Modal**.
125. Secara keseluruhannya terdapat peningkatan perbelanjaan sebanyak **18%** atau **RM53.17 juta** dalam Bajet Tahun 2020 berbanding dengan Bajet



Tahun 2019 iaitu **RM295.99 juta**. Perbelanjaan Mengurus meningkat sebanyak **14.4%** atau **RM39.14 juta** daripada **RM272.5 juta** dalam Bajet Tahun 2019 kepada **RM311.64 juta** dalam Bajet Tahun 2020.

126. **Perbelanjaan Mengurus** merangkumi perbelanjaan **Emolumen** kakitangan sebanyak **RM87.72 juta**, **Perkhidmatan Dan Bekalan** sebanyak **RM193.61 juta**, **Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap** sebanyak **RM23.91 juta** dan **Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain** sebanyak **RM6.4 juta**.

127. **Perbelanjaan Pembangunan** meningkat sebanyak **110.2%** atau **RM9.79 juta** iaitu daripada **RM8.89 juta** dalam Bajet Tahun 2019 kepada **RM18.68 juta** dalam Bajet Tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan MBSP akan membuat **Perbelanjaan Bangunan Dan Pembaikan Bangunan** berjumlah **RM9.2 juta** serta **Perbelanjaan Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan** berjumlah **RM9.48 juta**.

128. MBSP juga akan mengguna pakai **Kumpulan Wang Sumbangan** yang berjumlah **RM92.37 juta** serta **Peruntukan** daripada **Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MIDA** berjumlah

**RM31.69 juta.** Ini menunjukkan bahawa jumlah **Keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan** bagi tahun 2020 adalah berjumlah **RM142.74 juta.**

129. **Perbelanjaan Harta Modal** meningkat sebanyak **28.9%** atau **RM4.23 juta** iaitu daripada **RM14.61 juta** dalam Bajet Tahun 2019 kepada **RM18.84 juta** dalam Bajet Tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan MBSP akan membuat **Pembayaran Deposit Pembelian Kenderaan** yang akan dibeli secara pinjaman sebanyak **RM4.37 juta** bagi menggantikan kenderaan lama bagi menambahbaik perkhidmatan MBSP kepada rakyat Seberang Perai.
130. Di samping itu, perbelanjaan ini juga merangkumi **Pembelian Mesin Rumput** berjumlah **RM335,000** bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan **Alat-Alat Dan Mesin Kejuruteraan** sebanyak **RM3.18 juta**. MBSP juga akan membuat **Pembelian Alat-Alat Pejabat** sebanyak **RM2.18 juta** serta **Perkakasan Dan Perisian Komputer** sebanyak **RM8.52 juta** bagi memastikan Seberang Perai menjadi sebuah bandar pintar.

131. Perbelanjaan harta modal ini juga termasuk **Pembelian Alat Keselamatan Kenderaan** sebanyak **RM50,000** dan **Pembelian Pokok Dan Benih** sebanyak **RM0.1 juta**.

**Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian**

### **Penutup**

132. Pada tahun 2020, saya mencadangkan peruntukan berjumlah **RM349.16 juta** berbanding anggaran pendapatan sebanyak **RM314.73 juta**. Ini bermakna pada tahun 2020, saya mencadangkan **bajet defisit** berjumlah **RM34.43 juta**.

133. MBSP sentiasa mengamalkan perbelanjaan yang berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap, akauntabiliti dan berintegriti serta menutup ruang ketirisan dan mengamalkan langkah-langkah penjimatan dalam membuat perbelanjaan di samping meningkatkan kutipan hasil MBSP.

134. Kumpulan Wang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit yang dicadangkan pada tahun

2020. Berdasarkan justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh pada hari ini membuat pertimbangan dan meluluskan Bajet MBSP untuk tahun 2020 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti berikut: -

	<b><u>RM</u></b>
Pendapatan	: 314,730,241
Perbelanjaan	: 349,162,340
<b>Defisit</b>	<b>: (34,432,099)</b>

135. Berbekalkan doa dari semua warga Seberang Perai, serta niat yang kukuh terpasak di jiwa, marilah kita bersama-sama merealisasikan ***“Aspiring City of Tomorrow”*** Aspirasi Bandar Masa Hadapan **Seberang Perai** agar Seberang Perai menjadi sebuah kawasan bandaraya yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa kini dan terus cemerlang di masa hadapan.

Saya mohon mencadangkan.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**DATO' Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD**

DSPN, DJN, BCN, PJK, FRISM

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Seberang Perai